



# Peranan Kepimpinan Instruksional dalam Meningkatkan Efikasi Kendiri Guru: Satu Tinjauan Empirikal

Jolin Taimin \*<sup>1</sup>, Ngui Geok Kim <sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> IPGM Kampus Gaya Kota Kinabalu, Sabah.

## ABSTRAK

Kepimpinan instruksional merupakan elemen penting dalam konteks pendidikan kerana memberi impak besar terhadap efikasi kendiri guru khususnya untuk meningkatkan motivasi dan prestasi guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar, efikasi kendiri guru, hubungan antara kedua-duanya serta faktor kepimpinan yang menyumbang kepada efikasi kendiri guru. Kajian keratan rentas ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada 80 orang guru sekolah rendah di daerah Tuaran, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional guru besar dan efikasi kendiri guru adalah tinggi. Hasil analisis ujian korelasi Pearson mendapati hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dan efikasi kendiri guru. Di samping itu, ujian regresi berganda menunjukkan bahawa dimensi mewujudkan iklim pembelajaran sekolah memberi pengaruh terbesar terhadap efikasi kendiri guru. Implikasi kajian ini mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memurnikan pengamalan dasar, melaksanakan latihan dan meningkatkan amalan kepimpinan instruksional yang lebih baik di sekolah. Kesimpulannya, guru besar haruslah memainkan peranan dalam melaksanakan kepimpinan instruksional yang kreatif dan inovatif

## SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 30 Jun 2025

Semakan 20 Ogos 2025

Terima 25 Ogos 2025

## KATA KUNCI

*Efikasi kendiri guru, guru besar, iklim pembelajaran sekolah, kepimpinan instruksional*

# The Role of Instructional Leadership in Enhancing Teachers' Self-Efficacy: An Empirical Review

## ABSTRACT

Instructional leadership plays a vital role in education as it significantly influences teachers' self-efficacy, particularly in enhancing their motivation and performance. This study aims to determine the level of headteachers' instructional leadership practices and teachers' self-efficacy. It also examines the relationship between these two variables and identifies key instructional leadership factors contributing to teachers' self-efficacy. This research adopted a cross-sectional survey design grounded in a quantitative methodology. Survey questionnaires were distributed to 80 primary school teachers in the district of Tuaran, Sabah. Findings revealed that both the level of instructional leadership practices and teachers' self-efficacy were high. Pearson correlation analysis showed a significant positive relationship between headteachers' instructional leadership and teachers' self-efficacy. Multiple regression analysis further identified that the dimension of creating a conducive school learning climate has the greatest influence to enhance teachers' self-efficacy. These findings suggest that effective instructional leadership is essential in fostering teachers' confidence and performance. Implications from the study urge the Ministry of Education to refine educational policies, offer leadership training, and improve school practices. In conclusion, headteachers must adopt creative and innovative instructional leadership approaches to strengthen teachers' self-efficacy and improve overall school effectiveness.

## ARTICLE HISTORY

Received 30 June 2025  
Revised 20 August 2025  
Accepted 25 August 2025

## KEYWORDS

*teacher self-efficacy, headteachers, school learning climate, instructional leadership*

## 1. Pengenalan

Dunia pendidikan mengalami pelbagai perubahan seiring dengan arus pemodenan dan tuntutan global. Sememangnya, bagi menghadapi perubahan ini kepimpinan dan pengurusan guru besar atau pengetua menjadi faktor utama dalam memastikan kejayaan organisasi pendidikan bertaraf dunia. Sehubungan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menekankan aspek peningkatan kualiti kepimpinan sekolah dan profesionalisme keguruan selaras dengan tuntutan kemahiran abad ke-21 (Beram et al., 2023; Kabilan et al., 2025). Keperluan ini merangkumi transformasi ke arah masyarakat berasaskan maklumat, penguasaan teknologi berimpak tinggi, pemeraksanaan pengagihan kuasa, pembentukan jaringan kerjasama strategik, keterlibatan dalam ekonomi global serta keupayaan perancangan jangka panjang yang mampan (Adams, 2023).

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka pelbagai strategi untuk memastikan sekolah ditadbir oleh pemimpin yang berkompeten. Antaranya termasuklah pelaksanaan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) oleh Institut Aminuddin Baki (AIB) yang bertujuan melengkapkan bakal guru besar dengan kompetensi kepimpinan yang diperlukan. Selaras dengan itu, guru besar sebagai agen perubahan

memainkan peranan signifikan dalam memobilisasi seluruh warga sekolah bagi mencapai kemenjadian murid secara holistik dari aspek sahsiah, akademik dan sosial (Saad et al., 2022; Zuckerman & O'Shea, 2021).

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, kepimpinan instruksional diiktiraf sebagai komponen penting untuk menjamin kecemerlangan akademik murid. Laporan KPM (2016) menegaskan bahawa kepimpinan instruksional memberi impak positif yang lebih tinggi terhadap pencapaian murid berbanding aktiviti pentadbiran. Samichan et al. (2021) turut menekankan bahawa kepimpinan instruksional kekal signifikan sejak lebih tiga dekad lalu dan terus diperkukuh melalui pelbagai model yang dibangunkan oleh sarjana Barat dan tempatan. Pemimpin sekolah rendah yang mengamalkan gaya kepimpinan instruksional mampu menetapkan matlamat sekolah yang jelas, mengurus program instruksional secara berkesan serta membentuk iklim pembelajaran yang kondusif untuk menyokong komitmen guru terhadap pencapaian akademik murid (Saravanan & Hamid, 2024).

Selain kepimpinan instruksional, efikasi sendiri guru juga merupakan faktor penting dalam memastikan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Alai dan Abdullah (2024), isu efikasi sendiri guru terus relevan akibat transformasi dalam sistem pendidikan negara. Kajian Hui dan Nor (2024) pula menunjukkan bahawa gaya kepimpinan instruksional guru besar mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap efikasi sendiri guru. Guru yang mempunyai efikasi sendiri tinggi lazimnya lebih yakin melaksanakan proses pengajaran secara efektif, menggunakan pendekatan inovatif, serta berkolaborasi secara profesional (Goddard et al., 2020).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas masih menunjukkan beberapa kekangan. Sebagai contoh, kajian Husain dan Abdullah (2024) hanya meneliti kesan kepimpinan instruksional terhadap kepuasan kerja guru di daerah tertentu manakala Norddin dan Wan Muda (2024) mendapati tahap kualiti pengajaran guru masih sederhana walaupun aspek kepimpinan instruksional telah diamalkan. Kajian-kajian tersebut cenderung memberi tumpuan sama ada kepada prestasi guru atau kualiti pengajaran tetapi kurang meneliti hubungan langsung antara kepimpinan instruksional dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah dalam konteks tempatan, khususnya di Sabah. Selain itu, kebanyakan dapatan lepas lebih menekankan dimensi umum kepimpinan instruksional tanpa mengenal pasti dimensi khusus yang paling signifikan terhadap pembentukan efikasi sendiri guru.

Jurang kajian timbul apabila masih kurang penyelidikan yang mengkaji secara mendalam bagaimana kepimpinan instruksional mempengaruhi efikasi sendiri guru sekolah rendah terutamanya dalam konteks daerah Tuaran, Sabah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan:

1. Mengetahui tahap pelaksanaan amalan kepimpinan instruksional dan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran.
2. Meneliti hubungan antara kepimpinan instruksional dengan efikasi sendiri guru.
3. Mengetahui dimensi kepimpinan instruksional yang menjadi penyumbang signifikan terhadap tahap efikasi sendiri guru.

### **1.1. Soalan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada usaha mengetahui tahap amalan kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar serta efikasi sendiri guru di sekolah rendah terpilih di daerah Tuaran, Sabah. Selaras dengan objektif tersebut, kajian ini dirangka untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Adakah tahap kepimpinan instruksional guru besar sekolah rendah di daerah Tuaran?
2. Adakah tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran?
3. Adakah terdapat hubungan signifikan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran?
4. Adakah terdapat faktor-faktor kepimpinan instruksional yang menyumbang kepada efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran?

## **1.2. Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian dibahagikan kepada dua kumpulan utama, selari dengan soalan kajian di mana kumpulan hipotesis yang pertama seiring dengan soalan kajian untuk menentukan hubungan kepimpinan instruksional guru besar secara keseluruhan dan mengikut dimensi dengan efikasi sendiri guru.

- H<sub>0</sub>1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>1a: Tidak terdapat hubungan signifikan antara amalan menentukan visi sekolah dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>1b: Tidak terdapat hubungan signifikan antara amalan mengurus program instruksional dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>1c: Tidak terdapat hubungan signifikan antara amalan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran

Kumpulan hipotesis kajian kedua adalah selari dengan soalan kajian untuk menentukan pengaruh kepimpinan instruksional guru besar secara keseluruhan dan mengikut dimensi dengan efikasi sendiri guru.

- H<sub>0</sub>2: Amalan kepimpinan instruksional tidak memberi pengaruh signifikan terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>2a: Tidak terdapat pengaruh signifikan amalan menentukan visi sekolah terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>2b: Tidak terdapat pengaruh signifikan amalan mengurus program instruksional terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran
- H<sub>0</sub>2c: Tidak terdapat pengaruh signifikan antara amalan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah terhadap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Tuaran

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1. Kepimpinan Instruksional**

Huey dan Wahab (2024) menyatakan kepimpinan instruksional merujuk kepada peranan pemimpin membimbing dan mempengaruhi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk meningkatkan kualiti pengajaran, pencapaian pelajar serta prestasi sekolah secara keseluruhan. Kepimpinan instruksional menuntut seseorang pemimpin memahami dan mengetahui pengetahuan asas sebagai pemimpin, bidang tugas dan memiliki kemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk merealisasikan pembelajaran abad ke-21 (Yasim et al., 2020).

Model kepimpinan instruksional Hallinger (2011) menjadi panduan penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Model ini mengandungi tiga dimensi yang menjelaskan bahawa tindakan instruksional adalah bermatlamatkan kepada kualiti sekolah dan kemenjadian pelajar. Tiga dimensi tersebut ialah menentukan misi sekolah, mengurus program pembelajaran dan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah. Dimensi pertama iaitu menentukan misi sekolah menjelaskan peranan pemimpin instruksional dalam menentukan hala tuju sekolah yang boleh memberikan inspirasi kepada warga ke arah matlamat akhir organisasi. Seterusnya, dimensi kedua pula mengurus program pengajaran merujuk kepada pemimpin dalam menyelia dan menilai program instruksional, menyelaras kurikulum dan memantau perkembangan pelajar. Manakala dimensi yang ketiga iaitu mewujudkan iklim pembelajaran sekolah merujuk kepada etika guru dan perlakuan pelajar yang akan mempengaruhi impak pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah (Mukhtar & Abd Razak, 2024).

Lantaran itu, Abu et al. (2023) menyatakan pemimpin instruksional perlu memainkan peranan dalam menentukan hala tuju sekolah, memastikan kelancaran program berimpak kepada pencapaian pelajar dan berusaha membentuk iklim pembelajaran bermakna sama ada secara langsung atau tidak langsung selaras dengan situasi pendidikan semasa. Abdullah et al. (2022) telah menggunakan teori kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1987)

dalam kajian mereka dan mengesahkan bahawa amalan kepimpinan instruksional oleh pemimpin sekolah haruslah menumpukan kepada peningkatan pencapaian kurikulum dan memupuk iklim serta suasana pengajaran dan pembelajaran yang positif. Kajian Awangku Amin dan Mohd Hamzah (2021) ke atas 54 buah sekolah rendah di daerah Beaufort, Sabah pula menunjukkan bahawa amalan kepimpinan instruksional guru besar yang tinggi memastikan pemimpin pendidikan yang bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi penyeliaan bagi meningkatkan komitmen guru dalam memajukan pembelajaran. Maka, jelaslah bahawa kepimpinan instruksional dapat mengangkat kecemerlangan dan memotivasikan guru-guru di sesebuah institusi pendidikan serta menyumbang kepada kemenjadian modal insan (Othman et al., 2024).

## **2.2. Efikasi Kendiri Guru**

Seterusnya, Bandura (1997) sebagai pelopor utama dalam kajian berkaitan efikasi sendiri telah mendefinisikannya sebagai pertimbangan (*judgement*) seseorang terhadap kemampuannya mengendali dan membuat tindakan bagi mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Menurut Teori Efikasi Kendiri, terdapat dua bahagian iaitu jangkaan keberkesanan dan hasil. Prinsip pertama ialah keyakinan bahawa seseorang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan untuk melaksanakan amalan atau tugas tertentu untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Prinsip yang kedua menggambarkan penilaian seseorang tentang akibat yang mungkin daripada melakukan tugas atau fungsi yang diberikan pada tahap keputusan atau prestasi sendiri (Peterson & Jensen, 2025). Dalam erti kata lain, jangkaan hasil ialah kepercayaan bahawa tindakan atau tingkah laku tertentu akan membawa kepada hasil yang dijangkakan. Guru mesti mempunyai kedua-dua jangkaan keberkesanan dan hasil yang tinggi untuk berjaya.


Selain itu, efikasi sendiri juga merupakan salah satu konstruk dalam Teori Kognitif Sosial Bandura (1997) yang didefinisikan sebagai kepercayaan tentang keupayaan diri sendiri mengatur dan melaksanakan tugas tertentu. Kepercayaan tentang keberkesanan diri mempengaruhi corak emosi dan pemikiran yang menyebabkan sesuatu tindakan dibenarkan atau dihalang (Bhati & Sethy, 2022). Dalam konteks pendidikan pula, Tarmizi dan Mahmud (2022) menyatakan bahawa efikasi sendiri guru merupakan keyakinan seseorang individu untuk mempercayai keupayaannya bagi menyampaikan ilmu dalam pengajaran. Terdapat tiga elemen bagi menentukan efikasi sendiri guru iaitu strategi pengajaran guru, kaedah pengurusan di dalam bilik darjah dan penglibatan pelajar dalam pengajaran (Tiop & Talip, 2020). Oleh itu, efikasi sendiri guru dikaitkan dengan kepercayaan mereka terhadap keupayaan untuk merancang dan mencapai matlamat pengajaran.

Sekiranya, efikasi sendiri dalam kalangan guru adalah rendah, maka ini akan menghalang penggunaan pengetahuan dan kemahiran profesional secara berkesan. Pengukuran tahap efikasi guru ini dapat dilakukan melalui *Teachers' Sense of Efficacy Scale* (TSES) yang telah dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001). Pengukuran ini adalah penting memandangkan peranan efikasi guru dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar. Hal ini ditegaskan oleh Shuib et al. (2020) bahawa efikasi sendiri guru merupakan komponen penting dalam pembangunan profesionalisme guru agar mereka dapat menggunakan sepenuhnya potensi diri untuk meningkatkan pembelajaran pelajar mereka.

Berdasarkan Model Kepimpinan Instruksional Hallinger (2011) dan Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977), maka satu kerangka konsep kajian telah dibentuk sebagai panduan pelaksanaan kajian ini. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini berdasarkan dua teori berkenaan.

## Rajah 1

Kerangka konseptual kajian



## 3. Metodologi

Kajian pendekatan kuantitatif ini menggunakan reka bentuk keratan rentas iaitu kaedah pengumpulan data yang dilakukan sekali sahaja daripada sampel yang sama bagi memperoleh gambaran menyeluruh berkaitan populasi kajian (Creswell & Guetterman, 2021). Kajian ini melibatkan seramai 80 orang guru sekolah rendah di daerah Tuaran, Sabah. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 38 item iaitu Bahagian A- Demografi (4 item), Bahagian B- Kepimpinan Instruksional (22 item) dan Bahagian C- Efikasi Kendiri Guru (12 item). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi daripada skala pengukuran sedia ada, di mana kepimpinan instruksional diperolehi daripada kajian Teoh dan Norazah (2023) berdasarkan kepada "*Principals Instructional Management Rating Scale*" (PIMRS) yang dikembangkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) dan efikasi sendiri guru daripada instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* yang telah dibangunkan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk-Hoy (1998). Seterusnya, data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif meliputi min dan sisihan piawai serta statistik inferensi yang merangkumi analisis Korelasi Pearson dan regresi berganda.

## 4. Dapatan

### 4.1. Demografi

Demografi responden kajian dirumuskan dalam Jadual 1. Seramai 80 orang guru sekolah rendah Bahasa Melayu di daerah Tuaran telah terlibat dalam kajian ini. Guru perempuan iaitu seramai 45 orang (56.3%) adalah lebih ramai daripada guru lelaki iaitu seramai 35 orang (43.8%). Taburan guru ini dianggap mencirikan demografi yang biasa dicerap di sekolah-sekolah rendah di Malaysia di mana menurut Malaysian Research Institute for Education and Training (2021) daripada sejumlah 408,592 orang guru di Malaysia, seramai 290,553 daripadanya adalah guru perempuan dan 118,039 adalah guru lelaki. Justeru, bilangan guru perempuan lazimnya sentiasa lebih ramai berbanding guru lelaki. Kebanyakan guru mempunyai tempoh perkhidmatan selama 15 tahun ke atas ( $n = 29$ , 36.3%), sementara selebihnya dengan 11 hingga 15 tahun ( $n = 22$ , 27.5%) dan 6 hingga 10 tahun ( $n = 21$ , 26.3%), manakala guru dengan tempoh perkhidmatan 1 hingga 5 tahun ( $n = 8$ , 10.0%) adalah paling sedikit. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai pengalaman luas yang boleh menyumbang kepada pengajaran yang lebih baik (Ishak, 2024; Jerki & Han, 2020).

**Jadual 1***Demografi Responden*

		Bilangan (n)	Peratus (%)
Jantina Guru	Lelaki	40	50
	Perempuan	40	50
Tempoh Perkhidmatan Guru	1 - 5 tahun	8	10
	6 - 10 tahun	21	26.3
	11 - 15 tahun	22	27.5
	15 tahun ke atas	29	36.3

**4.2. Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar Sekolah Rendah di Daerah Tuaran**

Bagi menginterpretasi skor min yang diperoleh melalui analisis statistik deskriptif, kajian ini merujuk kepada julat interpretasi yang dicadangkan oleh Best (1977) dan telah diaplikasikan oleh penyelidik terdahulu seperti Abdul Hamid et al. (2021) serta Shrestha dan Subedi (2020). Tahap persetujuan responden adalah berdasarkan formula Best (1977) seperti berikut:

$$\frac{\text{Skor tertinggi} - \text{Skor Terendah}}{\text{Bilangan tahap}} = \frac{5-1}{5} = 0.8$$

Berpandukan prosedur ini, nilai min yang diperolehi diklasifikasikan kepada 5 tahap seperti dalam Jadual 2 iaitu sangat rendah (1.00-1.80), rendah (1.81-2.60), sederhana (2.61-3.40), tinggi (3.41-4.20) dan sangat tinggi (4.21-5.00).

**Jadual 2***Interpretasi Min*

Julat Min	Tahap
1.00 - 1.80	Sangat rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Abdul Hamid et al. (2021); Shrestha dan Subedi (2020)

Keputusan analisis seperti dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional guru besar secara keseluruhannya adalah tinggi (Min = 3.94, SP = 0.40). Secara lebih spesifik, merujuk kepada dimensi kepimpinan instruksional, setiap dimensi dipersepsikan tinggi di mana amalan mewujudkan iklim pembelajaran (Min = 4.02, SP = 0.44) dipersepsikan pada tahap yang tertinggi, diikuti oleh amalan menentukan visi sekolah (Min = 3.92, SP = 0.51), dan akhir sekali menguruskan program instruksional (Min = 3.83, SP = 0.44).

**Jadual 3***Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar*

Dimensi Kepimpinan Instuksional	Min (M)	Sisihan piawai (SP)	Interprestasi
Menentukan visi sekolah	3.92	0.51	Tinggi
Menguruskan program instruksional	3.83	0.44	Tinggi
Mewujudkan iklim pembelajaran sekolah	4.02	0.44	Tinggi
<b>Tahap keseluruhan</b>	<b>3.94</b>	<b>0.40</b>	<b>Tinggi</b>

#### 4.3. Tahap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah di Daerah Tuaran

Keputusan analisis seperti dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru adalah tinggi (Min = 3.70, SP = 0.52). Oleh yang demikian, dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dalam kajian ini memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi.

**Jadual 4**

*Tahap Efikasi kendiri Guru*

	Min (M)	Sisihan piawai (SP)	Interprestasi
Efikasi Kendiri Guru	3.70	0.52	Tinggi

#### 4.4. Hubungan Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dengan Efikasi kendiri Guru

Analisis inferensi melalui ujian korelasi Pearson dilaksanakan dengan merujuk kepada skala koefisien korelasi Pearson seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 bagi meneliti hubungan antara amalan kepimpinan guru besar dengan efikasi kendiri guru.

**Jadual 5**

*Interpretasi Koefisien Korelasi Pearson*

Koefisien Korelasi Pearson	Tahap
0.00 – 0.19	Sangat rendah
0.20 – 0.39	Rendah
0.40 – 0.59	Sederhana
0.60 – 0.79	Tinggi
0.80 – 1.00	Sangat Tinggi

Sumber: Selvanathan *et al.* (2020)

Hasil analisis korelasi Pearson adalah seperti dalam Jadual 6. Berdasarkan hasil analisis tersebut, hubungan antara kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru adalah signifikan secara statistik serta positif ( $r=0.643$ ,  $p < 0.05$ ). Hubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah pada tahap tinggi. Nilai varian ( $r^2=0.413$ ) menunjukkan bahawa 41.3 peratus daripada perubahan keseluruhan efikasi kendiri dalam kalangan guru disebabkan oleh faktor kepimpinan instruksional guru besar. Manakala 58.7 peratus lagi perubahan terhadap efikasi kendiri guru adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini.

Berdasarkan dapatan ini, maka hipotesis  $H_01$  ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan iaitu pada tahap yang tinggi antara amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru dalam kalangan sekolah rendah daerah Tuaran. Analisis di peringkat dimensi menunjukkan bahawa amalan menentukan visi sekolah mempunyai korelasi yang sederhana, positif dan signifikan dengan efikasi kendiri guru ( $r = 0.462$ ,  $p < 0.05$ ). Begitu juga, hubungan amalan menguruskan program instruksional juga adalah sederhana, positif dan signifikan dengan efikasi kendiri guru ( $r = 0.551$ ,  $p < 0.05$ ). Selain dari itu, amalan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah dengan efikasi kendiri guru pula adalah tinggi, positif dan signifikan ( $r = 0.642$ ,  $p = p < 0.05$ ).

**Jadual 6**

*Kolerasi antara Kepimpinan Instruksional dan Efikasi Kendiri Guru*

Dimensi	r	Efikasi Kendiri Guru r <sup>2</sup>	Sig. (2-hujung)
Menentukan Visi Sekolah	0.462	0.213444	0.000
Menguruskan Program Instruksional	0.551	0.303601	0.000
Mewujudkan Iklim Pembelajaran Sekolah	0.642	0.412164	0.000
Kepimpinan Instruksional Guru Besar	0.643	0.413449	0.000

**4.5. Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar terhadap Efikasi Kendiri Guru**

Jadual 7 memperlihatkan hasil analisis regresi yang membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional guru besar sama ada secara keseluruhan mahupun mengikut dimensi memberikan pengaruh positif dan signifikan terhadap efikasi kendiri guru ( $B = 0.827$ ,  $t = 7.424$ ,  $p = 0.000$ ). Oleh itu, hipotesis kajian kedua,  $H_{o2}$  ditolak. Di peringkat dimensi pula, amalan menentukan visi sekolah ( $B = 0.042$ ,  $t = 0.351$ ,  $p = 0.726$ ) dan mengurus program instruksional ( $B = 0.217$ ,  $t = 1.413$ ,  $p = 0.162$ ) terhadap efikasi kendiri guru adalah positif tetapi tidak signifikan. Sementara itu, pengaruh amalan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah dengan efikasi kendiri guru ( $B = 0.574$ ,  $t = 3.820$ ,  $p = 0.000$ ) yang positif dan signifikan. Justeru iitu, hipotesis kajian,  $H_{o2a}$  dan  $H_{o2b}$  gagal ditolak tetapi  $H_{o2c}$  ditolak.

Selain dari itu, model pertama ( $F = 55.113$ ,  $p = 0.000$ ,  $R^2 = 0.414$ ) menunjukkan bahawa secara keseluruhan, kepimpinan instruksional guru besar dapat menerangkan 41.4% varians dalam efikasi kendiri guru. Sementara itu, berasaskan dapatan untuk model yang kedua ( $F = 19.388$ ,  $p = 0.000$ ,  $R^2 = 0.434$ ), gabungan ketiga-tiga dimensi kepimpinan instruksional dapat menerangkan 43.4%. Menurut Cohen (1988), nilai  $R^2$  lebih daripada 0.25 menunjukkan pengaruh yang besar. Oleh itu, dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa kepimpinan instruksional guru besar khususnya amalan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah mempunyai pengaruh yang besar terhadap efikasi kendiri guru.

**Jadual 7**

Hasil Analisis Regresi

Model		Koefisien Dipiawaikan B	Tidak Koefisien Dipiawaikan Ralat Beta Piawai	t	Sig.
1	Konstan	0.444	0.441	1.006	0.317
	Kepimpinan Instruksional Guru Besar	0.827	0.111 0.643	7.424	0.000
2	Konstan	0.399	0.441	0.905	0.369
	Menentukan visi sekolah	0.042	0.119 0.042	0.351	0.726
	Mengurus program instruksional	0.217	0.153 0.183	1.413	0.162
	Mewujudkan iklim pembelajaran sekolah	0.574	0.150 0.488	3.820	0.000

Model 1:  $F = 55.113$ ,  $p = 0.000$ ;  $R^2 = 0.414$

Model 2:  $F = 19.388$ ,  $p = 0.000$ ;  $R^2 = 0.434$

## **5. Perbincangan**

### **5.1 Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar**

Dapatan dari segi tahap kepimpinan instruksional guru besar secara keseluruhannya adalah tinggi selaras dengan dapatan kajian Raja dan Ab Wahab (2025). Menurut Vadiappan et al. (2021), tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar SJKT di negeri Pulau Pinang adalah tinggi kerana mereka memberi keutamaan kepada aspek menentukan visi sekolah selaras dengan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin instruksional. Namun, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Sukarmin dan Sin (2022) yang menunjukkan kepimpinan instruksional guru besar pada tahap sederhana. Namun demikian, kajian ini menekankan bahawa perancangan strategik dan usaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif adalah komponen penting kepimpinan instruksional yang baik (Hallinger & Murphy, 1985; Leithwood et al., 2020).

### **5.2 Tahap Efikasi Kendiri Guru**

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru berada pada tahap yang tinggi. Ini selaras dengan dapatan kajian Gopal et al. (2024) yang mendapati guru-guru di Selangor memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi serta keyakinan kukuh dalam mengendalikan kelas dan pelajar. Fatimah et al. (2024) menegaskan bahawa efikasi kendiri guru memberikan implikasi positif terhadap pencapaian akademik pelajar namun magnitud kesannya dipengaruhi oleh faktor kedudukan geografi sekolah. Sementara itu, Ramli dan Yusuf (2020) dalam kajian mereka mendapati bahawa keyakinan guru terhadap keupayaan mereka berperanan penting dalam menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar. Hal ini juga disokong oleh Benolel dan Berkovich (2021) yang menegaskan bahawa keyakinan guru terhadap keupayaan diri mereka bukan sahaja berkait rapat dengan pencapaian pelajar tetapi juga dengan pelbagai kriteria lain yang menjadi indikator keberkesanan sesebuah sekolah. Oleh itu, tahap efikasi kendiri guru yang secara konsisten berada pada tahap tinggi memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran, meningkatkan pencapaian akademik pelajar serta menjadi indikator kepada keberkesanan sekolah meskipun magnitud kesannya dipengaruhi oleh faktor kontekstual seperti kedudukan geografi sekolah.

### **5.3 Hubungan Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dengan Efikasi kendiri Guru**

Hasil ujian Korelasi Pearson, penyelidik mendapati hipotesis nol pertama ( $H_{01}$ ) serta hipotesis-hipotesis berkaitan ( $H_{01a}$ ,  $H_{01b}$  dan  $H_{01c}$ ) telah tidak disokong. Dapatan ini membuktikan bahawa kepimpinan instruksional guru besar secara keseluruhan dan mengikut dimensi, mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan efikasi kendiri guru. Sulbidin dan Awang (2024) juga menunjukkan hubungan struktural antara kepimpinan instruksional pemimpin sekolah dan efikasi kendiri guru yang positif dan signifikan. Kajian-kajian lain juga menyokong dapatan kajian ini (Cansoy et al., 2020; Liu et al., 2022; Ma & Marion, 2019). Dapatan menunjukkan bahawa guru-guru berasa lebih yakin dengan keupayaan untuk menjalankan kerja mereka dengan berkesan apabila pemimpin sekolah memberi tumpuan kepada peningkatan pengajaran dan menyediakan sokongan kepada guru (Sumiati & Niemted, 2020).

Sementara itu, kajian di utara Malaysia oleh Shafiee dan Ghani (2022) mendapati bahawa kualiti instruksional memainkan peranan penting kerana hubungannya dengan pembelajaran abad ke-21 di mana guru yang berkeupayaan mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran boleh mewujudkan proses pembelajaran yang interaktif dan berkesan. Apabila pemimpin berupaya menyampaikan visi dan misi secara jelas, matlamat umum sekolah dapat difahami oleh semua pihak yang terlibat. Kajian Bugang et al. (2023) di Sarawak mendapati bahawa komunikasi berkesan oleh pengetua memberi pengaruh yang signifikan terhadap pelbagai aspek berkaitan guru yang kompleks. Menurut Thien dan Liu (2024), kepimpinan guru besar berperanan penting dalam membina efikasi kendiri guru khususnya untuk memberikan maklum balas positif dan menjadi teladan kepada warga pendidik di sekolah.

Maka itu, Jeffri dan Hamid (2022) merumuskan bahawa efikasi kendiri guru merupakan faktor utama dalam mencapai prestasi sekolah yang cemerlang. Peningkatan efikasi kendiri guru amat signifikan kerana ia memperkukuh keupayaan mereka menghadapi pelbagai cabaran di samping membantu membentuk tingkah laku pelajar dan meningkatkan motivasi mereka. Efikasi kendiri guru memainkan peranan penting terhadap keberkesanan sekolah seperti yang

dinyatakan oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001) sebagai penentu kualiti pelajar. Kesemua dapatan ini menyokong kajian semasa dan menjadi indikator bahawa efikasi sendiri guru berperanan penting dalam meningkatkan keberkesanan sekolah. Menurut Adnan et al. (2019), guru berkeupayaan mengawal proses pembelajaran pelajar mereka. Martin (2020) menegaskan bahawa guru memikul tanggungjawab untuk mempengaruhi pelajar agar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu, kepimpinan instruksional guru besar amat penting untuk membentuk efikasi sendiri guru yang seterusnya membantu meningkatkan pencapaian pelajar dan keberkesanan sekolah secara umum.

#### **5.4 Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar terhadap Efikasi Kendiri Guru**

Pengaruh kepimpinan instruksional terhadap efikasi sendiri guru yang direkodkan sebanyak 41.4% memberikan indikasi bahawa masih terdapat faktor-faktor lain di luar kepimpinan instruksional guru besar yang turut menyumbang kepada pembentukan efikasi sendiri guru. Antaranya termasuklah hubungan positif dengan ibu bapa (Evans, 2020; Goksoy, 2020), latihan profesional, bimbingan berterusan, pengetahuan, kemahiran, keyakinan diri (Norashikin et al., 2021), faktor dalaman seperti kecerdasan emosi dan rohani, serta faktor luaran seperti sokongan sosial dan gaya kepimpinan pengetua (Bakar & Amat, 2022). Penemuan ini adalah selari dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa persekitaran kerja yang kondusif dan amalan kepimpinan yang efektif merupakan prasyarat penting dalam memperkukuh tahap efikasi sendiri guru (Hoy & Tschannen-Moran, 2003; Bandura, 1997). Sehubungan itu, adalah disarankan agar pihak pengurusan sekolah memberi penekanan kepada pembentukan budaya kerja yang positif dan menyediakan bentuk sokongan kepimpinan yang lebih strategik bagi mempertingkatkan keyakinan dan keberkesanan guru dalam melaksanakan tugas pengajaran.

## **6. Kesimpulan**

Kesimpulannya, guru besar selaku peneraju kepimpinan instruksional memainkan peranan yang signifikan dalam memperkukuh tahap efikasi sendiri guru sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi dan kecemerlangan sekolah. Meskipun kajian ini telah menyediakan bukti empirikal yang jelas berkaitan hubungan serta pengaruh kepimpinan instruksional guru besar terhadap efikasi sendiri guru namun terdapat beberapa implikasi yang wajar diberi perhatian untuk kajian masa hadapan. Antaranya, kajian lanjutan dengan saiz sampel yang lebih besar perlu dilaksanakan bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh serta menentukan saiz kesan yang lebih signifikan secara statistik. Selain itu, pengaruh faktor-faktor lain perlu dipertimbangkan seperti komitmen guru, sokongan ibu bapa, latihan dan perkembangan guru, gaya kepimpinan guru besar dan sebagainya. Penggunaan kaedah kualitatif seperti temu bual guru juga boleh memberikan maklumat tambahan bagi menjelaskan efikasi sendiri guru.

Secara praktis, efikasi sendiri guru dapat dipertingkatkan lagi dengan melaksanakan komuniti pembelajaran profesional untuk guru-guru lain terutamanya guru cemerlang dan guru berpengalaman. Ini dapat dilaksanakan melalui kolaborasi dengan guru-guru yang memiliki kepentingan bersama dari sekolah-sekolah lain. Guru besar juga boleh melaksanakan program seperti ini melalui siri perjumpaan dengan guru-guru untuk memberikan bimbingan dan galakan mereka menjalankan pengajaran yang berkualiti tinggi. Kesimpulannya, kajian ini menjelaskan peranan penting kepimpinan instruksional guru besar untuk meningkatkan efikasi sendiri guru. Ini dapat memastikan guru berkeyakinan tinggi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi untuk kecemerlangan pelajar dan sekolah.

#### **Konflik Kepentingan**

Tiada.

#### **Kelulusan Etika**

Penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan garis panduan etika yang ditetapkan. Semua peserta telah memberikan persetujuan termaklum sebelum penglibatan mereka dalam kajian ini, dan langkah-langkah telah

diambil bagi melindungi anonimitas serta kerahsiaan dalam semua proses pengumpulan dan pelaporan data.

### Sumbangan Penulis

**Jolin Taimin**<sup>1</sup>: Pengkonsepsian, Pengurusan data, Analisis formal, Penulisan – draf asal

**Ngui Geok Kim**<sup>2</sup>: Metodologi, Sumber, Perisian, Penulisan – semakan dan penyuntingan

### Ketersediaan Data

Tiada.

### Rujukan

- Abdul Hamid, S., Ismail, A. & Zaharudin, R. (2021). Kepimpinan teknologi guru besar sekolah rendah harian: satu kajian rentas di Kedah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 38-54.
- Abdullah, N. S., Hamzah, M. I., & Nor, M. Y. M. (2022). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan motivasi guru sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 1-12.
- Abu, A. R., Asimiran, S., Abdullah, A., & Alias, S. N. (2023). Pasca covid-19: Cabaran pemimpin instruksional terhadap kemenjadian pelajar sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002181-e002181. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2181>
- Adams, D. (2023). *Education in Malaysia: Developments, reforms and prospects*. Routledge Taylor & Francis Group.
- Adnan, M., Azrien, M., Mamat, A., Ibrahim, M. B., Mohamed, A., & Hassanein, I. (2019) Teacher efficacy and commitment in teaching Arabic: A correlational study. *Religación*, 4, 57-66.
- Alai, E. R. S., & Abdullah, Z. (2024). Pengaruh mediator komuniti pembelajaran profesional ke atas kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi sendiri guru dalam kalangan guru MRSM. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(4), 41-62.
- Ambon, J., Alias, B. S., Komariah, A. & Mansor, A. N. (2024). The impact of continuous professional development on teaching quality: A systematic review. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 13(6), 3838-3847. DOI: 10.11591/ijere.v13i6.30427
- Awangku Amin, D. R., & Mohd Hamzah, M. I. (2021). Tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 135 - 151. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.648>
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: the exercise of control*. Worth Publishers.
- Benoliel, P., & Berkovich, I. (2021). Ideal teachers according to TALIS: Societal orientations of education and the global diagnosis of teacher self-efficacy. *European Educational Research Journal*, 20(2), 143-158.
- Beram, S., Awang, M., Ismail, R., Ramalu, R. R., Noor, N. Soo, M. Y., Chee, Y. K. F. & Samichan, A. (2023). Professional leadership competencies for Malaysia educational middle leaders. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 31(4), 1363-1382. DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.4.02>
- Best, J. W. (1977). *Research In Education*. New Jersey: Prentice Hall
- Bhati, K. & Sethy, T. P. (2022). Self-efficacy: theory to educational practice. *The International Journal of Indian Psychology*, 10(1), 1123-1128. DOI: 10.25215/1001.112
- Bugang, L., Ishak, R., & Ghani, M. F. A. (2023). Hubungan gaya komunikasi kepimpinan guru besar dengan tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah daerah Dalat, Sarawak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(3), 13-26.
- Bush, T. (2021). Assessing successful school leadership: What do we know?. *Educational management administration & leadership*, 49(5), 687-689. <https://doi.org/10.1177/17411432211034675>
- Cansoy, R., Parlar, H., & Polatcan, M. (2020). Collective teacher efficacy as a mediator in the relationship between instructional leadership and teacher commitment. *International Journal of Leadership in Education*, 25(6), 900–918. <https://doi.org/10.1080/13603124.2019.1708470>
- Creswell, J. W., & Guetterman, T. C. (2021). *Educational research. Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (6th ed.). Pearson.

- Fatimah, S., Murwani, F. D., Farida, I. A., & Hitipeuw, I. (2024). Academic self-efficacy and its effect on academic engagement: MetaAnalysis. *International Journal of Instruction*, 17(1), 271-294.
- Goddard, R. D., Bailes, L. P., & Kim, M. (2020). Principal efficacy beliefs for instructional leadership and their relation to teachers' sense of collective efficacy and student achievement. *Leadership and Policy in Schools*, 20(3), 472–493. <https://doi.org/10.1080/15700763.2019.1696369>
- Gopal, B., Lee, K. C. S., & Razak, A. Z. A. (2024). Efikasi sendiri guru dan keberkesanan sekolah di sekolah kebangsaan di Selangor, Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(4), 63-76.
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217-247. <https://doi.org/10.1086/461445>
- Hallinger, P. (2011). A Review of Three Decades of Doctoral Studies Using the Principal Instructional Management Rating Scale: A Lens on Methodological Progress in Educational Leadership. *Educational Administration Quarterly*, 47(2), 271-306. <https://doi.org/10.1177/0013161X10383412>
- Huey, Y. W., & Wahab, J. A. (2024). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Hubungannya Dengan Motivasi Guru Di SJKC. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 1-15.
- Hui, T. S., & Nor, M. Y. M. (2024). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan efikasi sendiri guru. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 35-44.
- Husain, S., & Abdullah, M. K. (2023). Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru dengan Kualiti Kerja Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e001915. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.1915>
- Ishak, M. F., Sabilan, S., Mohamed Lip, S., Sulaiman, S. H., & Abidin, S. Z. (2024). Analisis pengalaman mengajar guru Pendidikan Islam dalam kesediaan melaksanakan pengajaran secara dalam talian: analysis of teaching experience of Islamic education teachers in readiness to implement online teaching. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 159–175. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i1.197>
- Jeffri, A. I., & Hamid, A. H. A. (2022). The relationship between 21st-century instructional leadership and teachers' self-efficacy. *Sciences*, 12(9), 258-271.
- Jerki, A., & K Han, C. G. (2020). Influence of teaching experience in knowledge, motivation and implementation of stem teaching and learning. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 10(2), 45-56. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol10.2.5.2020>
- Kabilan, M. K., Annamalai, N. & Md Yunus, Y. (2025). Navigating policy and practice: examining the realization of Malaysia's Education Blueprint (2013-2025) for English teachers' continuous professional development. *Tesol Journal*, 16(3), e70062. <https://doi.org/10.1002/tesj.70062>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kemethofer, D., Helm, C., & Warwas, J. (2022). Does educational leadership enhance instructional quality and student achievement? The case of Austrian primary school leaders. *International Journal of Leadership in Education*, 1–25. <https://doi.org/10.1080/13603124.2021.2021294>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Induk Pembangunan Profesionalise Keguruan*. Bahagian Pendidikan Guru.
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2020). Seven strong claims about successful school leadership revisited. *School Leadership & Management*, 40(1), 5-22. <https://doi.org/10.1080/13632434.2019.1596077>
- Liu, Y., Li, L., & Huang, C. (2022). To what extent is shared instructional leadership related to teacher self-efficacy and student academic performance in China? *School Effectiveness and School Improvement*, 33(3), 381-402. <https://doi.org/10.1080/09243453.2022.2029746>
- Ma, X., & Marion, R. (2019). Exploring how instructional leadership affects teacher efficacy: A multilevel analysis. *Educational Management Administration & Leadership*, 49(1), 188-207. <https://doi.org/10.1177/1741143219888742>
- Malaysian Research Institute for Education and Training. (2021). *Laporan kajian awal 2021: Pengaruh pandemik COVID-19 & PdPR terhadap kesejahteraan guru di Malaysia*. Malaysian Research Institute for Education and Training.
- Martin, T. J. (2020). *The effect of teacher perceptions and self-efficacy for technology with the use of the SAMR model* (Doctoral dissertation, Wingate University). ProQuest Dissertations Publishing.

- Mukhtar, S. & Abd Razak, A. Z. (2024). Principal instructional leadership and teacher self-efficacy as a mediating variable between teacher leadership and teacher professional learning practices in secondary schools in Kelantan. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 12(3), 73-91.
- Norddin, M. F. & Wan Muda, W. H. N. (2024). Factors influencing teachers' quality in teaching and learning at school based on the elements of SKPM Quality@Standard 4: A systematic literature review (SLR). *Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education*, 5(1), 58-68. <https://doi.org/10.37934/sijile.5.1.5868a>
- Othman, C., Busari, A. H., & Junaini, S. N. (2024). Kesan Kepimpinan Instruksional Ke Atas Komitmen Organisasi: Pendekatan Pemodelan Persamaan Struktural. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9(55), 542-555.
- Peterson, J. M. & Jensen, M. T. (2025). Teacher self-efficacy in relation to cultural and linguistic diversity in K-12 settings: A systematic review. *Frontiers in Education*, 10, 1531481. <https://doi.org/10.3389/educ.2025.1531481>
- Raja, K. I. & Ab Wahab, J. L. (2024). Amalan kepemimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan motivasi guru sekolah menengah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 676-684. <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.1.61>
- Ramli, R., & Nurahimah, M. Y. (2020). Self-efficacy and differentiated instruction: A study among Malaysian school teachers. *Universal Journal of Educational Research*, 8(4), 1252–1260.
- Saad, N., Sankaran, S., & Abidin, M. K. F. Z. (2022). Kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi guru di sekolah menengah kebangsaan daerah Kota Setar. *International Journal of Modern Education*, 4 (14), 01-09. DOI: 10.35631/IJMEOE.414001
- Samichan, A., Yunus, J., Awang, M., & Beram, S. (2021). Perbandingan model kepemimpinan instruksional: Persepsi barat dan Malaysia. *Management Research Journal*, 10, 94-105.
- Saravanan, B., & Hamid, A. H. A. (2024). Hubungan Antara kepemimpinan instruksional guru besar di daerah ampang dan kesediaan guru pengajaran abad Ke-21. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 140-151. <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.2.13>
- Selvanathan, M., Jayabalan, N., Saini, G. K., Supramaniam, M. & Hussin, N. (2020). Employee productivity in Malaysian private higher educational institutions. *Palarch's Journal of Archaralogy of Egypt/Egyptogy*, 17(3), 66-79.
- Shafiee, N. S., & Ghani, M. A. (2022). The influence of teacher efficacy on 21st century pedagogy. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 21(1), 217-230.
- Shuib, S., Yunus, J. N., & Yusof, H. (2020). Pembangunan profesionalisme guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Selangor. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(2), 37–48.
- Shrestha, M., & Subedi, D. (2020). Organizational citizenship behavior among teachers of Nepal : Did locale contribute it's in school settings? *American Journal of Economics and Business Management*, 3(1), 1–23. <https://doi.org/10.31150/ajebm.Vol3.Iss1.92>
- Siriparp, T., Buasuwan, P., & Nanthachai, S. (2022). The effects of principal instructional leadership, collective teacher efficacy and teacher role on teacher self-efficacy: A moderated mediation examination. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 43(2), 353-360. <https://doi.org/10.34044/j.kjss.2022.43.2.12>
- Sukarmin, S., & Sin, I. (2022). The influence of principal instructional leadership behaviour on the organisational commitment of junior high school teachers in Surakarta. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(2), 69–95. <https://doi.org/10.32890/mjli2022.19.2.3>
- Sulbidin, A. M., & Awang, H. (2024). Dinamika hubungan kepemimpinan instruksional pengetua, efikasi sendiri dan komitmen guru: Satu semakan literatur. *International Journal of Modern Education*, 6(22), 721-740.
- Sumiati, & Niemed, W. (2020). The impact of instructional leadership on Indonesian elementary teacher efficacy. *Elementary Education Online*, 19(4), 2335–2346.
- Tiop, T., & Talip, R. (2020). Hubungan kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(4), 71 - 83. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.383>
- Tarmizi, A. A. Z. A., & Mahmud, M. I. (2022). Hubungan antara efikasi sendiri dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru di sebuah sekolah di Kelantan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 216-225. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.16>

- Thien, L. M., & Liu, P. (2024). Linear and nonlinear relationships between instructional leadership and teacher professional learning through teacher self-efficacy as a mediator: A partial least squares analysis. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1), 1-13.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202–248. <https://doi.org/10.3102/00346543068002202>
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783-805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Vadiappan, A., Mydin, A. A., & Ali, A. J. (2021). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Hubungannya dengan Tanggapan Sokongan Organisasi Guru-Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 94-107.
- Yaacob, H. & Mohd Rashid, S. M. (2024). Teaching practice of primary school Malay language teachers in basic reading skills: A literature review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 13(3), 2644-2664. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPEd/v13-i3/22265>
- Yasim, J. M., Mansor, A. N., & Ab Hamid, A. H. (2020). Kepimpinan instruksional abad Ke-21 dan amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 3(2), 21-37.
- Zuckerman, S. J., & O'Shea, C. (2021). Principals' schema: Leadership philosophies and instructional leadership. *Journal of School Leadership*, 31(4), 274-296.

**Penafian/Nota Penerbit:** Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.